

PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM

Laporan Pelaksanaan Program bagi setiap NGO perlu dikemukakan mengikut format berikut:

LPP 1/7 - Senarai Semak Status Pelaksanaan Program

- Pastikan kesemua ruangan diisi dan dokumen seperti senarai semak dilengkapkan, jika tiada atau tidak berkenaan, sila berikan ulasan.

LPP 2/7 - Ringkasan Program di bawah Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan

Kumpulan Sasar

- Nyatakan jumlah peserta yang menyertai program yang dianjurkan dan nyatakan bilangan mengikut kumpulan sasaran.

Perbelanjaan Sebenar Bagi Setiap Perkara (Mengikut Surat Kelulusan)

- Penerima Bantuan Khas Perbendaharaan perlu menyatakan perbelanjaan **SEBENAR** (bukan anggaran perbelanjaan).
- Dokumen sokongan seperti resit, baucar atau invois bagi setiap perbelanjaan perlu dikemukakan.
- Baki peruntukan atau tanggungan perlu dinyatakan selepas peruntukan ditolak dengan perbelanjaan sebenar.
- Perbelanjaan hanya dibenarkan bagi item yang diperakukan sahaja (Rujuk Lampiran A Skop Program dalam Surat Kelulusan).
- Perbelanjaan bagi item yang tidak dibenarkan/ diperakukan, perlu dikembalikan semula kepada Kementerian.

- Sebarang **pemalsuan dokumen** bagi tujuan menipu merupakan satu kesalahan jenayah di bawah **Seksyen 468 Kanun Keseksaan (Akta 574)** yang mana jika disabitkan bersalah boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun dan dikenakan denda.

LPP 3/7 - Butiran Peserta

- Lengkapkan butiran peserta seperti format yang disediakan.

LPP 4/7 - Akuan Pengesahan Perbelanjaan Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan

- Sila lengkapkan aktiviti perbelanjaan beserta butiran dokumen sokongan. Pastikan dokumen lengkap dan ditandatangani oleh pihak yang berkaitan.

LPP 5/7 - Ulasan Prestasi Perbelanjaan dan Fizikal Program

Ulasan Ringkas Perbelanjaan Program

- Contoh:
Baki sebanyak RM927.50 diperoleh berikutan penjimatan ke atas penginapan untuk penceramah (RM70.00 x 3 hari x 4 orang = RM840.00) dan diskaun ke atas alat tulis sebanyak RM87.50.
- Baki tanggungan (-RM500.00) dibiayai melalui peruntukan pertubuhan.
- Lebihan perbelanjaan berlaku kerana bilangan peserta yang hadir adalah melebihi sasaran. Pertubuhan telah menampung lebihan perbelanjaan ini dengan menggunakan wang dari tabung pertubuhan sendiri.

Ulasan Ringkas Fizikal Program

a) Maklumat Program

- Nyatakan sama ada sesuai atau tidak tempoh dan tempat program beserta ulasan (jika ada).

b) Maklumat Peserta

- Jumlah peserta dan sasaran seperti dalam Surat Kelulusan perlu dinyatakan. Sekiranya tidak mencapai sasaran, berikan ulasan.

- Contoh:
Bengkel ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para peserta yang hadir. Para peserta juga mencadangkan agar bengkel ini diadakan secara berkala bagi membolehkan ramai wanita lain untuk menyertainya. Walaupun anggaran jumlah peserta adalah 90 orang tetapi kehadiran sebenar peserta hanyalah 82 orang. Ini berikutan 8 orang peserta terpaksa menarik diri pada saat akhir kerana terikat dengan komitmen kerja masing-masing. Selain itu, para peserta juga mencadangkan agar bengkel seumpama ini dihadiri oleh pasangan masing-masing bagi menyedarkan mereka tentang masalah ini.

c) **Pencapaian Keseluruhan**

- Ulasan terhadap perancangan, pelaksanaan dan impak program yang dijalankan berdasarkan **LPP 6/7 - Borang Penilaian**.

LPP 6/7 - Borang Penilaian Peserta

- Setiap peserta perlu membuat penilaian program.
- Kehadiran dikira berdasarkan jumlah peserta yang membuat penilaian program.

LPP 7/7 - Akuan Penggunaan Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan

- Sila lengkapkan borang akuan ini. Akuan ini boleh ditandatangani oleh ahli-ahli pertubuhan penerima Bantuan Khas Perbendaharaan yang menyediakan laporan ini. Tandatangan saksi pula adalah terhad kepada Pengerusi, Yang DiPertua/ Setiausaha Agung, Timbalan Pengerusi/ Naib Presiden, Naib Yang DiPertua, Setiausaha dan Bendahari pertubuhan.
- Kesemua dokumen perlu dikemukakan kepada pihak agensi melalui serahan tangan atau pos kepada alamat yang tertera pada perkara 13.0.

Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat
Putrajaya